KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 28 JULAI 2026 (SELASA)	
MEDIA	Newswav
TAJUK	Negeri Sembilan perlu jadi Negeri mesra perniagaan, perkasa usahawan PMKS
PAUTAN	https://tinyurl.com/ytjsu9mu

Negeri Sembilan perlu jadi negeri mesra perniagaan, perkasa usahawan PMKS

Local | Business & Finance | 27 Jul 2026 • 9:00 PM MYT

Utusan Online
Berita terkini, tepat dan dipercayai daripada Utusan Malaysia



SEREMBAN: Negeri Sembilan perlu dibangunkan sebagai sebuah negeri mesra perniagaan dengan memberi penekanan kepada usaha memperkasa golongan usahawan, khususnya perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, bagi merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi negeri ini, golongan usahawan PMKS perlu berada di barisan hadapan kerana mereka merupakan antara tunjang utama kepada ekonomi negara.

"Saya mahu Mara bekerjasama dengan kerajaan 'baharu' Negeri Sembilan untuk mengenal pasti usahawan yang benar-benar berpotensi, membimbing mereka secara intensif serta memastikan mereka terus dibantu sehingga berjaya, bukannya dibiarkan separuh jalan.

"Kerajaan baharu Negeri Sembilan, insya-Allah, mestilah menjadi sebuah kerajaan yang mesra perniagaan. Mesti ada usaha bersungguh-sungguh membantu usahawan Bumiputera berjaya, bukan sekadar menembusi pasaran domestik, malah mampu berkembang ke peringkat antarabangsa. Itulah kerajaan baharu Negeri Sembilan yang kita harapkan.

"Hasrat saya adalah untuk melihat dalam tempoh lima tahun akan datang lebih ramai usahawan berkembang daripada peniaga kecil kepada pengilang dan daripada jenama tempatan kepada jenama yang dikenali di peringkat dunia," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Himpunan Usahawan Bumiputera Negeri Sembilan 2026 di Bandar Sri Sendayan, di sini, hari ini.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata, semua potensi itu hanya mampu direalisasikan sekiranya Negeri Sembilan dipimpin oleh sebuah kerajaan yang mempunyai hala tuju yang jelas, keberanian membuat keputusan serta keupayaan membawa negeri ini ke tahap yang lebih tinggi.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 28 JULAI 2026 (SELASA)	
MEDIA	Life News Agency
TAJUK	Zahid: Entrepreneurs key to driving Negeri Sembilan's future economy
PAUTAN	https://tinyurl.com/2sfuw9va

LNA LiveWire | My Economy | My LNA | My News | UPDATE

Zahid: Entrepreneurs Key to Driving Negeri Sembilan's Future Economy

LNA lnews · 9 hours ago (Last updated: 9 hours ago) · 2 minutes read · 0 comments



SEREMBAN, July 27, 2026 – Deputy Prime Minister Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yesterday underscored the critical role of entrepreneurs in revitalising Negeri Sembilan's economy, creating jobs and shaping the state's development, during the Himpunan Usahawan Bumiputera Negeri Sembilan 2026.

Speaking at the gathering in Bandar Sri Sendayan, Zahid, who is also Minister of Rural and Regional Development, expressed delight at meeting local entrepreneurs and described them as key drivers of economic growth.

"Every business opened, product produced and new market explored has a direct impact on the strength of the state's economy. Therefore, in efforts to make Negeri Sembilan great again, entrepreneurs must be at the forefront," he said in a statement shared on his official X account.

He highlighted the state's significant potential in industrial, logistics, halal, tourism and digital economy sectors. Zahid called on Majlis Amanah Rakyat (MARA) to continue strengthening the entrepreneurial ecosystem through training, digitalisation, certification, branding and market access so that more businesses can expand and compete internationally.

The Deputy Prime Minister stressed that a clear direction and cooperation among all parties would help strengthen economic stability, generate more employment opportunities, boost entrepreneurial activities and deliver prosperity for the people.

In remarks at the event, Zahid also said the incoming state government after the forthcoming Negeri Sembilan state election must adopt business-friendly policies. He urged MARA to work closely with the new administration to identify high-potential entrepreneurs, provide intensive guidance and support them until they succeed, rather than leaving them halfway.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 28 JULAI 2026 (SELASA)	
MEDIA	Life News Agency
TAJUK	Deputy PM Zahid pays tribute to retiring DIGP Ayob Khan after nearly 35 years of service
PAUTAN	https://tinyurl.com/2vydz7d9

Highlights | LNA LiveWire | My LNA | My News | News | TRENDING | UPDATE

Deputy PM Zahid Pays Tribute to Retiring DIGP Ayob Khan After Nearly 35 Years of Service

LNA MY · 1 day ago (Last updated: 1 day ago) · 2 minutes read · 0 comments



Photo Credit : Azrul | LNA

KUALA LUMPUR, July 26, 2026 – Deputy Prime Minister Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi has expressed his highest appreciation and gratitude to Tan Sri Ayob Khan Mydin Pitchay on the occasion of his retirement from the Royal Malaysia Police (PDRM) after almost 35 years of dedicated service to the force and the nation.

In a post on X, Zahid, who is also Minister of Rural and Regional Development, UMNO President and Chairman of Barisan Nasional, wrote: "Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya ucapkan atas segala khidmat bakti dan pengorbanan Tan Sri sepanjang hampir 35 tahun mencurahkan jasa kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan negara."

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 28 JULAI 2026 (SELASA)	
MEDIA	Malay News
TAJUK	Negeri Sembilan perlu jadi Negeri mesra perniagaan, perkasa usahawan PMKS
PAUTAN	https://tinyurl.com/2699ax7x

MALAY.NEWS

Home | National | States News | Showbiz | Sports | World News | More

Top News-1

Negeri Sembilan perlu jadi negeri mesra perniagaan, perkasa usahawan PMKS

Utusan Malaysia

July 27, 2026 | 9:00 pm



SEREMBAN: Negeri Sembilan perlu dibangunkan sebagai sebuah negeri mesra perniagaan dengan memberi penekanan kepada usaha memperkasa golongan usahawan, khususnya perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, bagi merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi negeri ini, golongan usahawan PMKS perlu berada di barisan hadapan kerana mereka merupakan antara tunjang utama kepada ekonomi negara.

"Saya mahu Mara bekerjasama dengan kerajaan 'baharu' Negeri Sembilan untuk mengenal pasti usahawan yang benar-benar berpotensi, membimbing mereka secara intensif serta memastikan mereka terus dibantu sehingga berjaya, bukannya dibiarkan separuh jalan.

"Kerajaan baharu Negeri Sembilan, insya-Allah, mestilah menjadi sebuah kerajaan yang mesra perniagaan. Mesti ada usaha bersungguh-sungguh membantu usahawan Bumiputera berjaya, bukan sekadar menembusi pasaran domestik, malah mampu berkembang ke peringkat antarabangsa. Itulah kerajaan baharu Negeri Sembilan yang kita harapkan.

"Hasrat saya adalah untuk melihat dalam tempoh lima tahun akan datang lebih ramai usahawan berkembang daripada peniaga kecil kepada pengilang dan daripada jenama tempatan kepada jenama yang dikenali di peringkat dunia," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Himpunan Usahawan Bumiputera Negeri Sembilan 2026 di Bandar Sri Sendayan, di sini, hari ini.

Recent Posts



De Zerbi jurulatih idaman Maddison

July 28, 2026



Kerajaan perkukuh keselamatan siber tangani penyalahgunaan AI

July 28, 2026



KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 28 JULAI 2026 (SELASA)	
MEDIA	Utusan Borneo
TAJUK	Kontinjen KEMAS Parlimen Betong juara keseluruhan AGT @ KEMAS Zon 3
PAUTAN	https://tinyurl.com/munrve26

Kontinjen KEMAS Parlimen Betong juara keseluruhan AGT @ KEMAS Zon 3



Taufik (tujuh kiri) merakamkan kenangan bersama kakitangannya sebelum majlis bermula.

BETONG: Kontinjen KEMAS Parlimen Betong muncul juara keseluruhan Program Alpha Gen Talents (AGT) @ KEMAS Zon 3 Tahun 2026 selepas mencatat prestasi cemerlang dalam pelbagai acara yang dipertandingkan sepanjang program itu berlangsung di Padang Kolej Vokasional Betong dan Dewan Sri Kenanga Kolej Vokasional Betong, Sabtu lalu.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 28 JULAI 2026 (SELASA)	
MEDIA	TV1
TAJUK	Projek BELB Luasong: KKDW diminta percepat proses tender semula Projek
PAUTAN	https://tinyurl.com/4vewby6d

LIPUTAN MEDIA 28 JULAI 2026 (SELASA)	
MEDIA	NASIONAL fm
TAJUK	Tiada pihak yang kebal daripada undang-undang sekiranya nama mereka dikaitkan dalam laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) berhubung Lembaga Tabung Haji (TH)
PAUTAN	https://tinyurl.com/3mfv4u3b

LIPUTAN MEDIA 28 JULAI 2026 (SELASA)	
MEDIA	BERNAMA Radio
TAJUK	Tiada pihak yang kebal daripada undang-undang sekiranya nama mereka dikaitkan dalam laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) berhubung Lembaga Tabung Haji (TH)
PAUTAN	https://tinyurl.com/9nwz2b9j

LIPUTAN MEDIA 28 JULAI 2026 (SELASA)	
MEDIA	BERNAMA Radio
TAJUK	MARA menyasarkan nilai jualan sebanyak RM1 juta menerusi penganjuran program Biznetwork Fiesta Sarawak bagi memperkukuh pemasaran digital dan memperluas jaringan perniagaan usahawan bimbingannya
PAUTAN	https://tinyurl.com/bdeyca8m

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 28 JULAI 2026 (SELASA)	
MEDIA	Kosmo
TAJUK	Lega dua jambatan baharu bakal mudahkan penduduk
PAUTAN	https://tinyurl.com/bdzk6w7c

Lega dua jambatan baharu bakal mudahkan penduduk



BOON LYE (kiri) menyantuni penduduk di Jeti Pengkalan Nelayan Sungai Bawah, Bukit Pelandok di Port Dickson semalam. – NUR SHARIEZA ISMAIL

PORT DICKSON – Penduduk di sekitar Sungai Pelek dan Bukit Pelandok menarik nafas lega apabila dua projek jambatan baharu yang dirancang dijangka dapat memendekkan masa perjalanan serta memudahkan urusan harian mereka apabila siap kelak.

Bagi Hamidan Safonen, 62, dari Pachitan, pembinaan jambatan itu amat dinantikan kerana sudah empat hingga lima tahun dia berulang-alik menggunakan perkhidmatan penambang untuk ke Sungai Pelek.

Katanya, setiap perjalanan menaiki motosikal melalui jeti dikenakan tambang RM2 sehala, menyebabkan beliau membelanjakan kira-kira RM100 sebulan.

"Kalau ada jambatan nanti, sudah tentu lebih mudah. Tak perlu lagi bergantung kepada penambang setiap kali ulang-alik," katanya ketika ditemui.

Seorang lagi penduduk, Ah Pau, 56, dari Kampung Sungai Nipah berkata, jambatan baharu itu akan memudahkan penduduk terutama mereka yang kerap berulang-alik membeli barangan keperluan.

"Kalau ikut jalan darat memang jauh, sebab itu ramai guna feri. Bila ada jambatan nanti, urusan harian akan jadi lebih mudah," katanya.

Sementara itu, calon Dewan Undangan Negeri (DUN) Chuah, Datuk Yew Boon Lye berkata, projek Jambatan Sungai Sepang yang menghubungkan Sungai Pelek dengan Bukit Pelandok sudah diluluskan di bawah Belanjawan 2024.

Menurutnya, isu keperluan jambatan ini telah dibawa melalui mesyuarat DUN dan mesyuarat jawatankuasa berkaitan bagi mendapatkan perkembangan terkini mengenai pelaksanaan projek.

"Apabila saya bertanya dalam mesyuarat DUN dan juga mesyuarat jawatankuasa sebelum ini, saya dimaklumkan projek tersebut telah sampai ke peringkat pelantikan kontraktor dan dijangka bermula tahun ini.

"Projek dengan siling peruntukan RM160 juta di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) itu akan menghubungkan Sungai Pelek dan Bukit Pelandok," katanya ketika ditemui di Jeti Pengkalan Nelayan Sungai Bawah, Bukit Pelandok.

Beliau berkata, sebuah lagi projek iaitu Jambatan Kuala Lukut-Chuah kini berada pada peringkat reka bentuk dengan siling peruntukan RM200 juta.

Katanya, apabila siap kelak, jambatan itu dijangka memendekkan perjalanan dari sekitar 20 hingga 30 minit kepada hanya 3 hingga 5 minit.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 28 JULAI 2026 (SELASA)	
MEDIA	BFM
TAJUK	MARA urged the Education Ministry to consider appointing full-time wardens from among army veterans to curb rising bullying cases in schools
PAUTAN	https://tinyurl.com/9p2khnx6

LIPUTAN MEDIA 28 JULAI 2026 (SELASA)	
MEDIA	TV1
TAJUK	Tiada pihak kebal undang-undang: Tindakan tegas diambil jika dikaitkan dalam laporan RCI TH
PAUTAN	https://tinyurl.com/3rhp5enn

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 28 JULAI 2026 (SELASA)	
MEDIA	Berita Harian
TAJUK	Syor ambil warden bekas askar sepenuh masa pantau sekolah
PAUTAN	https://tinyurl.com/mr3uhjv6

Syor ambil warden bekas askar sepenuh masa pantau sekolah

MARA sedia berkongsi dengan KPM tangani masalah buli di kalangan pelajar

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my


Asyraf Wajdi Dusuki

Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan (KPM) wajar menimbangkan keperluan menempatkan warden sepenuh masa bekas tentera di sekolah bagi menangani insiden buli dalam kalangan pelajar.

Pengerusi MARA, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki, berkata keperluan itu sesuai selepas melihat kejadian buli di sekolah semakin menjadi-jadi ketika ini.

Langkah itu turut memberikan peluang pekerjaan kepada bekas tentera, di samping disiplin dalam kalangan pelajar juga akan meningkat.

"MARA bersedia berkongsi dengan KPM mengenai laporan kajian Universiti Putra Malaysia (UPM) mengenai Keberkesanan Projek Rintis Pelantikan Warden Luar Sepenuh Masa dalam kalangan bekas tentera di MRSM (Maktab Rendah Sains MARA) yang sudah dijalankan sembilan bulan.

"Antara dapatan utama sepanjang tempoh pelaksanaan, sifar kes buli direkodkan dengan tahap disiplin pelajar meningkat. Pemantauan lebih konsisten serta tindak balas terhadap isu kebajikan dan keselamatan pelajar lebih pantas.

"Selain itu, suasana asrama lebih selamat, kemas dan kondusif. Memberi kesan positif kepada guru tidak lagi terbeban dengan tugas warden sebaliknya fokus kepada tugas hakiki mengajar dan mendidik pelajar," katanya menerusi Facebook.

Katanya, pencapaian akademik pelajar turut meningkat, selain maklum balas pelajar sangat positif berdasarkan tinjauan dan lawatan di lapangan.

"Gabungan elemen ketegasan dan nilai 'kebudayaan' ini menjadikan mereka bukan sekadar warden, tetapi pembimbing dan pendidik kepada anak di asrama," katanya.

Berpandukan dapatan kajian ini, MARA sudah membuat ketetapan memperluas pelaksanaan inisiatif ini ke 10 lagi MRSM bermula bulan lalu sebagai langkah pengukuhan awal, sebelum diperluas ke semua 58 MRSM di seluruh negara bermula Januari tahun depan.

"Pendekatan ini diyakini mampu memperkukuh sistem pengurusan asrama secara lebih tersusun, profesional dan berkesan.

"Saya juga sudah meminta pasukan UPM diketuai oleh Prof Dr Haslinda untuk membantu membangunkan modul latihan khusus kepada warden bakal dilantik," katanya.

Ramai bekas anggota tentera menamatkan perkhidmatan sekitar umur 38 hingga 45 tahun dan dalam usia masih produktif dan boleh dimanfaatkan untuk tujuan itu.

NUTP sokong saranan

Sementara itu, Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) menyokong saranan supaya bekas tentera diambil sebagai warden tetap atau sepenuh masa di sekolah, dengan permulaan pelaksanaan ditempatkan di sekolah asrama penuh terpilih.

Presidennya, Aminuddin Awang, akui kekangan terbesar KPM ketika ini adalah kerana memiliki hampir 1,900 jumlah sekolah berasrama, terutama sekolah berasrama penuh di seluruh negara.

Ini kata beliau berbeza dengan MRSM di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA) yang hanya memiliki 58 asrama di seluruh negara, sekali gus dapat dilaksana lebih menyeluruh dalam tempoh lebih singkat.

"Itu (pengambilan bekas tentera sebagai warden) cadangan baik dan boleh dilaksanakan di sekolah berasrama penuh terpilih sebagai peringkat permulaan.

Aminuddin berkata, sejak beberapa tahun lalu juga, NUTP sudah mencadangkan supaya diwujudkan jawatan warden sepenuh masa di semua sekolah berasrama.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 28 JULAI 2026 (SELASA)	
MEDIA	Harian Metro
TAJUK	Kata putus dedah laporan RCI berkaitan TH diketahui esok
PAUTAN	https://tinyurl.com/2ss26bw8

Kata putus dedah laporan RCI berkaitan TH diketahui esok

Tampin: Datuk Seri Anwar Ibrahim berharap mesyuarat Jemaah Menteri yang berlangsung Rabu ini akan mempunyai kata putus untuk mendedahkan laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) berkaitan Lembaga Tabung Haji (TH) kepada umum.

Perdana Menteri turut menyerahkan kepada orang ramai untuk membaca laporan RCI TH itu sekiranya ia didedahkan.

> *Kalau (individu itu) tak salah, pertahankan. Kalau salah, dakwa*
> Anwar

"Kalau (individu itu) tak salah, pertahankan. Kalau salah, dakwa. Kalau dihukum masuk penjara, masuk penjara. Itu bukan urusan saya.

"Sistem kita menetapkan siasatan itu (dibuat oleh) badan siasatan, buat pertuduhan itu (oleh) Peguam Negara, hukum (dibuat) para hakim," katanya semasa berucap pada Program Semarak Kenegaraan di Dewan Garisson, Kem Syed Sirajuddin di Gemas, di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, Timbalan Menteri Pertahanan Adly Zahari dan Panglima Angkatan Tentera Tan Sri Malek Razak Sulaiman.

Kelmarin, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menyokong hasrat Anwar mendedahkan laporan berkenaan kepada umum.

Selain itu, Ahmad Zahid yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) turut berharap agar laporan itu dinyahkan daripada Akta Rahsia Rasmi (OSA).

Mengulas lanjut, Anwar turut menegaskan, beliau sebagai Perdana Menteri juga harus jujur serta segala proses dilaksanakan itu perlu mengikut proses Perlembagaan dan peraturan ditetapkan.

"Saya singgung hal (RCI TH) ini kerana negara bagi saya tidak mungkin pertahan keamanannya kalau orang diamanahkan itu mengkhianati amanah," katanya.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 28 JULAI 2026 (SELASA)	
MEDIA	Harian Metro
TAJUK	Bekas tentera wajar jadi warden sekolah
PAUTAN	https://tinyurl.com/5xc5yuhv

Bekas tentera wajar jadi warden sekolah

Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) wajar menimbangkan keperluan supaya menempatkan warden sepenuh masa bekas tentera di sekolah bagi menangani insiden buli dalam kalangan pelajar.

Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (MARA), Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki berkata, ia selepas melihat kejadian buli di sekolah semakin menjadi-jadi ketika ini.

Langkah sedemikian kata beliau, turut memberikan peluang pekerjaan kepada bekas tentera, di samping disiplin dalam kalangan pelajar juga akan meningkat.

"MARA bersedia berkongsi dengan KPM mengenai laporan kajian Universiti Putra Malaysia (UPM) mengenai Kebersanan Projek Rintis Pelantikan Warden Luar Sepenuh Masa dalam kalangan bekas tentera di MRSM (Maktab Rendah Sains Mara) yang sudah dijalankan selama sembilan bulan.

"Antara dapatan utama sepanjang tempoh pelaksanaan, sifar kes buli direkodkan dengan tahap disiplin pelajar meningkat. Pemantauan lebih konsisten serta tindak balas terhadap isu kebajikan dan keselamatan pelajar lebih pantas.

"Selain itu, suasana asrama lebih selamat, kemas dan kondusif. Memberi kesan positif kepada para guru yang tidak lagi terbeban dengan tugas warden sebaliknya fokus kepada tugas hakiki mengajar dan mendidik pelajar," katanya menerusi Facebook.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 28 JULAI 2026 (SELASA)	
MEDIA	NST
TAJUK	Zahid says F1 return spells long-term economic boom
PAUTAN	https://tinyurl.com/4c3kdebd

OCT 2 TO OCT 4

Zahid says F1 return spells long-term economic boom

SEPANG: Hosting the Formula One (F1) Bahrain Grand Prix at Sepang International Circuit will generate economic benefits well beyond immediate tourism.

Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi said the event, slated from Oct 2 to Oct 4, represents a significant recognition of the country's world-class motorsport infrastructure, with its global broadcast reaching billions.

"The economic impact should not only be seen from the immediate effect in terms of inbound tourists, but also in terms of coverage, news reporting and events worldwide because the audience and viewership numbers are in the billions.

"This will give medium- and long-term benefits to our country," he said.

Zahid, who is also National Disaster Management Agency (Nadma) chairman, was officiating the National Air Disaster Readiness 2026 workshop at the Kuala Lumpur International Airport (KLIA).

He said the Sepang International Circuit had largely been underutilised since Malaysia last hosted F1 for the Malaysian Grand Prix in 2017.

He added that the return of F1 was the best opportunity to restore the circuit's status as a premier global motorsport venue.

"The circuit has world-class facilities and it is a shame that for so long they have not been used except for MotoGP, which I have never missed a single year.

"But this is the best opportunity for F1 and for me, the long-term impact is very good," he said.

Zahid expressed hope that the race would pave the way for Malaysia to secure a permanent slot on the F1 calendar.

He pointed to the MotoGP model, saying the cabinet had, on Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim's direction, decided that the race would no longer be funded solely through government funds, but through a combination of development projects, sponsorships and joint organising arrangements.

> *"The economic impact should not only be seen from the immediate effect in terms of inbound tourists, but also in terms of coverage, news reporting and events worldwide because the audience and viewership numbers are in the billions.*
>
> **DATUK SERI DR AHMAD ZAHID HAMIDI**
> Deputy prime minister

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 28 JULAI 2026 (SELASA)	
MEDIA	NST
TAJUK	NUTP backs use of military veterans as school wardens
PAUTAN	https://tinyurl.com/2nxwy89f

CURBING BULLYING

NUTP backs use of military veterans as school wardens

KUALA LUMPUR: The National Union of the Teaching Profession (NUTP) supports the appointment of military veterans as full-time school wardens.

Its president, Aminuddin Awang, said the Education Ministry's biggest challenge was managing nearly 1,900 boarding schools nationwide.

"That is a good proposal and can be implemented at selected fully residential schools as a starting point.

"But it must be noted that there are only 58 Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) hostels compared with the nearly 1,900 under the Education Ministry.

"The effectiveness of hostel management cannot be directly compared," he said yesterday.

He was commenting on Majlis Amanah Rakyat (Mara) chairman Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki's proposal for the ministry to consider appointing military veterans as full-time wardens to curb bullying at boarding schools.

Aminuddin said NUTP had for years advocated appointing dedicated full-time wardens at all boarding schools.

"For NUTP, it does not matter whether they are veterans or non-veterans.

"What matters is having full-time wardens at boarding schools, especially fully residential schools.

"Hiring full-time wardens from outside the teaching force is a realistic step in curbing bullying and disciplinary misconduct while fostering student discipline."

The ministry reported in February that there were 2,888 bullying cases last year, comprising 740 in primary schools and 2,149 in secondary schools.

According to the Student Discipline System, there were 3,883 bullying cases reported in 2022, 6,528 in 2023 and 7,681 in 2024.



There are only 58 Maktab Rendah Sains Mara hostels nationwide compared with the nearly 1,900 under the Education Ministry, says National Union of the Teaching Profession president Aminuddin Awang. NSTP FILE PIC FOR ILLUSTRATIVE PURPOSES ONLY

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 28 JULAI 2026 (SELASA)	
MEDIA	Sinar Harian
TAJUK	Perkukuh SIC sebagai litar bertaraf dunia
PAUTAN	https://tinyurl.com/4erpeptt

Perkukuh SIC sebagai litar bertaraf dunia

SEPANG - Penganjuran Formula Satu (F1) Grand Prix (GP) Bahrain Gulf Air di Malaysia pada Oktober ini dijangka memberikan limpahan ekonomi jangka sederhana dan panjang menerusi peningkatan ketibaan pelancong serta pendedahan global yang mampu menarik lebih banyak pelaburan dan acara bertaraf dunia.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, walaupun kos penganjuran ditanggung Bahrain, Malaysia tetap memperoleh manfaat ekonomi kerana perlumbaan itu akan disaksikan oleh jutaan penonton di seluruh dunia, selain memperkukuh kedudukan Litar Antarabangsa Sepang (SIC) sebagai litar bertaraf dunia.

"Walaupun kita tahu perbelanjaannya besar, tetapi ini ditanggung oleh Bahrain. Kesan ekonomi bukan hanya dapat dilihat dari segi *inbound tourists*, tetapi juga daripada liputan media dan acara di seluruh dunia kerana penonton dan khalayaknya ialah berbilion.

"Ini akan memberikan kesan jangka sederhana dan panjang kepada negara kerana SIC mempunyai kemudahan bertaraf dunia yang selama ini tidak digunakan sepenuhnya kecuali untuk MotoGP," katanya.

Ahmad Zahid berkata, kejayaan menjadi tuan rumah F1 Bahrain juga boleh membuka ruang kepada Malaysia untuk kembali menganjurkan F1 pada masa depan dengan sokongan kerajaan dan penajaan sektor swasta.

"Saya harap untuk tahun-tahun mendatang Malaysia dapat peruntukkan dana tertentu serta memperoleh penajaan syarikat supaya F1 dapat dianjurkan semula di negara ini.

"Untuk MotoGP umpamanya, Kabinet atas arahan Perdana Menteri memutuskan bahawa ia bukan hanya ditanggung oleh Kementerian Belia dan Sukan melalui peruntukan Kementerian Kewangan, tetapi membabitkan projek pembangunan, penajaan dan penganjuran secara bersama menggunakan pendekatan *smart partnership*," katanya. - *Bernama*

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 28 JULAI 2026 (SELASA)	
MEDIA	Sinar Harian
TAJUK	Inovasi pelajar TVETMARA Sungai Petani bantu murid disleksia
PAUTAN	https://tinyurl.com/muhczdm2

TECHNO VARSITY

Inovasi pelajar TVETMARA Sungai Petani bantu murid disleksia

IDEA yang lahir daripada keprihatinan terhadap cabaran pembelajaran murid disleksia akhirnya diterjemahkan menjadi sebuah inovasi yang membanggakan apabila pelajar TVETMARA Sungai Petani berjaya membawa pulang pingat gangsa pada pertandingan INNOSHOWCASE 2026.

Kejayaan itu diraih oleh Bibi Anissumaiyah Mohamad Shibly, pelajar Semester 2 Program Diploma Rekabentuk Pengiklanan Digital (DSK), menerusi inovasi *e-Book Modern* (Modul Membaca Disleksia) dalam kategori institusi pengajian tinggi.

Platform pembelajaran digital itu dibangunkan bagi membantu murid disleksia meningkatkan kemahiran membaca melalui pendekatan yang lebih interaktif, sistematik dan mesra pengguna.

Menurut Bibi Anissumaiyah, projek berkenaan dihasilkan bukan sekadar memenuhi tugasan akademik, sebaliknya lahir daripada keinginan untuk menyediakan bahan pembelajaran yang lebih mudah diakses oleh murid disleksia serta membantu guru dalam proses pengajaran.



Bibi Anissumaiyah menunjukkan inovasi e-Book Modem yang dihasilkannya.

Katanya, pembangunan *e-Book Modern* memberi fokus kepada tiga objektif utama, iaitu memperkenalkan peranan Persatuan Disleksia Malaysia kepada masyarakat, bantu menangani cabaran pembelajaran murid disleksia serta menyediakan bahan bantu mengajar yang lebih efektif untuk guru dan pelajar.

"Cabaran terbesar ialah memahami keperluan sebenar murid disleksia kerana setiap individu mempunyai tahap pembelajaran yang berbeza.

"Saya juga perlu mendapatkan maklum balas daripada pengguna sasaran, selain berdepan kekangan masa dan kos bagi menghasilkan kandungan yang benar-benar mesra pengguna," katanya.

Ujarnya, setiap elemen dalam platform tersebut dirancang dengan teliti supaya mudah difahami, menarik dan mampu meningkatkan minat murid.

Pertandingan anjuran School of Technology, Multimedia and Logistics, Universiti Utara Malaysia (UUM) itu menghimpunkan penyertaan daripada pelbagai institusi pengajian tinggi di seluruh negara yang mempertandingkan pelbagai inovasi dalam bidang teknologi, pendidikan dan pembangunan masyarakat.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 28 JULAI 2026 (SELASA)	
MEDIA	Sinar Harian
TAJUK	Tiba masa bekas tentera jadi warden sepenuh masa di sekolah
PAUTAN	https://tinyurl.com/4sjrk73t

Tiba masa bekas tentera jadi warden sepenuh masa di sekolah

Mara sedia kongsi dengan KPM laporan kajian UPM keberkesanan projek rintis

Oleh DIANA AZIS

SHAH ALAM - Sudah tiba masa bekas anggota tentera ditempatkan sebagai warden sepenuh masa di sekolah bagi menangani isu buli yang semakin membimbangkan.

Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (Mara), Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki berkata, selain membuka peluang pekerjaan kepada golongan veteran, pendekatan itu diyakini mampu meningkatkan tahap disiplin pelajar berdasarkan kejayaan projek rintis yang dilaksanakan di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM).

Menurutnya, Mara bersedia berkongsi dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) hasil laporan kajian Universiti Putra Malaysia (UPM) mengenai keberkesanan Projek Rintis Pelantikan Warden Luar Sepenuh Masa dalam kalangan bekas tentera di MRSM yang dilaksanakan selama sembilan bulan.

"Antara dapatan utama sepanjang tempoh pelaksanaan ialah sifar kes buli direkodkan dengan tahap disiplin pelajar meningkat.

"Pemantauan juga lebih konsisten selain tindak balas terhadap isu kebajikan dan keselamatan pelajar lebih pantas, manakala suasana asrama menjadi lebih selamat, kemas dan kondusif," katanya menerusi hantaran di Facebook pada Isnin.

Asyraf Wajdi memaklumkan, pelaksanaan inisiatif itu turut memberi kesan positif kepada guru kerana mereka tidak lagi terbeban dengan tugas warden, sekali gus dapat memberi tumpuan kepada tanggungjawab hakiki sebagai pendidik.

Malah menurutnya, pencapaian akademik juga menunjukkan peningkatan selain menerima maklum balas sangat positif daripada pelajar berdasarkan tinjauan dan lawatan lapangan.

Antara kriteria bekas tentera yang dikenal pasti berkesan sebagai warden ialah mempunyai pengalaman dalam disiplin dan keselamatan, tahap kesihatan yang baik,



ASYRAF WAJDI

tegas tetapi berhemah serta mampu bertindak pantas dalam situasi berisiko.

"Mereka juga memiliki empati, komunikasi yang baik, keprihatinan terhadap pelajar serta berupaya menjadi teladan dan membina hubungan kepercayaan.

"Gabungan elemen ketegasan dan nilai keibubapaan ini menjadikan mereka bukan sekadar warden tetapi pembimbing dan pendidik kepada anak-anak di asrama," ujarnya.

Mengulas lanjut Asyraf Wajdi berkata, berdasarkan dapatan kajian itu, Mara telah membuat ketetapan memperluaskan pelaksanaan inisiatif berkenaan ke 10 lagi MRSM bermula bulan lalu sebagai langkah pengukuhan awal sebelum diperluaskan ke semua 58 MRSM di seluruh negara bermula Januari tahun hadapan.

Beliau menjelaskan, pihaknya juga telah meminta pasukan UPM yang diketuai Profesor Dr Haslinda membangunkan modul latihan khusus kepada bakal warden bagi memberi penekanan terhadap aspek disiplin, keselamatan, nilai kemanusiaan, empati dan keibubapaan.

Sementara itu beliau berpandangan, ramai bekas anggota tentera yang menamatkan perkhidmatan sekitar usia 38 hingga 45 tahun masih berada dalam fasa produktif dan boleh dimanfaatkan untuk menyertai sektor pendidikan menerusi proses peningkatan kemahiran dan latihan semula.

Menurutnya, pendekatan itu juga boleh menjadi antara alternatif dalam menangani isu kebajikan veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM), khususnya veteran tidak berpencen yang menamatkan perkhidmatan ketika masih produktif tetapi tidak menikmati pencen bulanan bergantung kepada tempoh perkhidmatan yang diiktiraf.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH


KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 28 JULAI 2026 (SELASA)	
MEDIA	The Sun
TAJUK	Royal diplomacy brings F1 roaring back to Sepang
PAUTAN	https://tinyurl.com/yz9v9fe5

F1 back in Sepang

Report on page 2

Royal breakthrough brings Bahrain GP to Malaysia this October after conflict disrupts race calendar.



The Oct 2-4 race will mark Formula One's first appearance at the Sepang International Circuit, seen here during a practice session, since the Malaysian Grand Prix was last held in 2017. – AFPPIC